

Konvoi bermotosikal perlu utamakan adab di jalan raya



Pensyarah Kanan, Unit Pengajian Islam dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

Oleh Mohd Ammyrul Ashraf Sairan
bhrencana@bh.com.my

Setiap tahun, pelbagai himpunan komuniti motosikal diadakan di seluruh negara sebagai platform mengeratkan ukhuwah, berkongsi minat dan memperkukuhkan semangat persaudaraan dalam kalangan peminat permotoran. Antaranya Himpunan RXZ yang berjaya menghimpunkan ratusan ribu peserta dari seluruh negara.

Kehadiran peserta yang besar itu membuktikan motosikal bukan sekadar kenderaan, bahkan menjadi lambang identiti, nostalgia dan persaudaraan dalam kalangan pemiliknya. Program seperti ini turut memberi kesan positif kepada ekonomi setempat apabila sektor pelancongan, perhotelan dan perniagaan kecil menikmati limpahan rezeki hasil kehadiran peserta.

Namun demikian, kegembiraan yang sepatutnya menjadi kenangan indah bertukar menjadi episod duka apabila sejumlah penunggang terbabit dalam kemalangan ketika perjalanan menghadiri program berkenaan. Ramai mengalami kecederaan serius sehingga memerlukan rawatan kecemasan di hospital.

Dalam Islam, jalan raya bukan hanya untuk bergerak dari satu tempat ke tempat lain, sebaliknya medan seseorang diuji dengan amanah, akhlak dan tanggungjawab terhadap manusia lain. Keselamatan di jalan raya berkait rapat dengan maqasid syariah, khususnya prinsip 'hifz al-nafs' iaitu memelihara nyawa.

Islam meletakkan nyawa manusia pada kedudukan tinggi sehingga Allah SWT berfirman dalam Surah al-Ma'idah ayat 32, *sesiapa memelihara nyawa, seolah-olah dia memelihara seluruh kehidupan manusia*. Ayat ini memberikan gambaran jelas setiap tindakan membawa kepada pemeliharaan keselamatan adalah ibadah, manakala setiap perbuatan mendedahkan diri atau orang lain kepada bahaya adalah perbuatan bertentangan dengan syariat.

Dalam konteks ini, nasihat disampaikan Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berhubung Himpunan RXZ amat bertepatan dengan ajaran Islam. Beliau mengingatkan pahalanya atau tempat seseorang mengumpulkan pahala atau dosa.

Peringatan itu bukan sesuatu yang baharu, sebaliknya berasaskan hadis Rasulullah SAW diriwayatkan Imam al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Sa'id al-Khudri RA mengenai hak di jalan raya. Rasulullah SAW menegaskan antara hak jalan ialah menahan diri daripada menyakiti orang lain.

Hadis ini membawa maksud sangat luas. Menyakiti orang lain bukan sahaja melalui kemalangan akibat kecuai, malah termasuk mengganggu ketenteraman awam dengan bunyi ekzos melampau, memotong secara berbahaya, berlumba secara haram, melakukan aksi berisiko serta mempamerkan sikap angkuh ketika berada di jalan raya.

Hakikatnya, kemahiran menunggang motosikal bukan jaminan seseorang akan terselamat daripada kemalangan. Seperti diingatkan Zulkifli, manusia hanya mampu berusaha, namun ketentuan Allah SWT tetap beratus-galanya.

Oleh sebab itu, Islam menuntut umatnya sentiasa menggabungkan usaha dan tawakal. Memakai topi keledar, menepati piawaian, memastikan motosikal berada dalam keadaan baik, mematuhi had laju serta berehat apabila keletihan adalah sebahagian daripada usaha dituntut syarak sebelum seseorang

bertawakal kepada Allah SWT.

Perlu dipandu adab Islam

Selain itu, budaya konvoi sering menjadi kebanggaan komuniti motosikal juga perlu dipandu adab Islam. Konvoi besar memerlukan disiplin tinggi, saling menghormati sesama pengguna jalan raya dan mematuhi arahan pihak berkuasa.

Sekiranya semangat berkonvoi hanya disertai dengan keghairahan mengejar keseronokan tanpa disiplin, maka manfaat perhimpunan berkenaan akan tenggelam tragedi yang berlaku. Islam sentiasa mengajar konsep wasatiyyah dalam setiap perkara.

Keseronokan tidak boleh mengatasi keselamatan, manakala semangat persaudaraan tidak boleh dibina atas risiko mengancam nyawa. Lebih membimbangkan apabila terdapat segelintir individu menganggap keberanian menunggang laju atau melakukan aksi berbahaya sebagai lambang kehebatan.

Budaya seperti ini bertentangan dengan akhlak Islam yang menuntut sifat tawaduk, berhemah dan bertanggungjawab. Rasulullah SAW tidak pernah mengajar umatnya mencari kemasyhuran melalui

Sekiranya semangat berkonvoi hanya disertai dengan keghairahan mengejar keseronokan tanpa disiplin, maka manfaat perhimpunan berkenaan akan tenggelam tragedi yang berlaku. Islam sentiasa mengajar konsep wasatiyyah dalam setiap perkara

tindakan membahayakan diri sendiri atau orang lain.

Sebaliknya, Baginda menegaskan Muslim ialah individu yang orang lain selamat daripada gangguan lidah dan tangannya. Dalam konteks semasa, prinsip itu boleh diperluaskan kepada keselamatan pengguna jalan raya daripada tindakan cuai seseorang penunggang atau pemandu.

Penganjur program permotoran juga sewajarnya memainkan peranan lebih proaktif dengan menjadikan keselamatan sebagai agenda utama setiap penganjuran. Taklimat keselamatan, kempen adab di jalan raya, kerjasama dengan pihak polis dan agensi keselamatan serta ilmuwan agama dalam memberi peringatan sebelum peserta memulakan perjalanan wajar dijadikan amalan tetap.

Bahkan, cadangan Zulkifli supaya peserta berhenti menunaikan solat berjemaah di masjid sepanjang perjalanan adalah satu pendekatan sangat baik kerana ia bukan sahaja memenuhi kewajipan agama, malah memberi ruang kepada penunggang berehat sebelum meneruskan perjalanan.

Pendekatan ini secara langsung dapat mengurangkan risiko keletihan menjadi antara faktor utama kemalangan jalan raya. Pada masa sama, masyarakat perlu mengubah paradigma kejayaan sesuatu himpunan permotoran bukan diukur melalui jumlah peserta atau kemeriahan program semata-mata.

Sebaliknya, kejayaan sebenar ialah apabila semua peserta pulang ke pangkuan keluarga dengan selamat tanpa kehilangan nyawa. Tiada makna perhimpunan berjaya menghimpunkan ratusan ribu peserta sekiranya akhirnya meninggalkan air mata kepada ahli keluarga kehilangan insan tersayang.

Akhirnya, tragedi yang berlaku sewajarnya menjadi muhasabah kepada semua pihak yang ada di jalan raya adalah sebahagian daripada manifestasi keimanan Muslim. Setiap perjalanan adalah amanah daripada Allah SWT yang akan dipersoalkan kelak.

Oleh itu, setiap pengguna jalan raya hendak menjadikan al-Quran dan sunnah sebagai panduan mengurus tingkah laku di jalan raya. Apabila nilai ihsan, disiplin, kesederhanaan dan tanggungjawab berjaya diterapkan dalam diri setiap individu, sudah pasti jalan raya menjadi lebih selamat, masyarakat hidup lebih harmoni dan objektif syariat memelihara nyawa dapat direalisasikan.



Memakai topi keledar menepati piawaian dan memastikan motosikal berada dalam keadaan baik antara adab ketika konvoi bermotosikal.